

Etika tangani perbezaan pendapat

BHARIAN 19/3/19
ms 12

Kepesatan perkembangan sains dan teknologi zaman ini memperlihatkan kan setiap informasi boleh dicapai di hujung jari. Bagaimanapun perkembangan yang canggih itu sewajarnya memberi impak positif mula berubah menjadi medan negatif apabila ia dijadikan wadah keegoan ketika menyatakan sesebuah pandangan.

Masih ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menjadikan sesuatu isu yang didebatkan secara ilmiah menjadi bahan gurauan dan jenaka. Sadisnya, isu yang dibincangkan jauh, terpesong sehingga menghinakan paras rupa, bentuk fizikal dan jantina, dan secara tidak langsung melibatkan bangsa serta agama.

Walaupun setiap individu berhak menyatakan pandangan masing-masing, hormat dan kasih sayang perlu menjadi asas persefahaman, bagi memastikan setiap perbezaan diraikan dan dihargai.

Bagaimanapun, dalam merai kan perbezaan, ada batasan yang perlu dijaga dan ada etika yang perlu dijadikan panduan. Ini bagi mengelakkan penyakit dalam masyarakat bertambah parah dan perbalahan yang disebabkan oleh perbezaan pandangan menjadi sebab kepada perpecahan.

Dr Taha Jabir al-Alwani dalam bukunya *The Ethics of Disagreement in Islam* menghuraikan realiti zaman Rasulullah SAW menyalakan sahabat juga pernah berdebat antara satu sama lain.

Malah, perbezaan antara ulama dianggap sebagai rahmat kepada manusia kerana ia menjadikan sistem perundangan Islam mengandung aspek *murunah* (fleksibel) dan bermilai rahmah (kasih sayang).

Tujuh garis panduan

Bagaimanapun, beliau juga menyenaraikan beberapa etika penting yang dipraktikkan oleh sahabat pada zaman Rasulullah SAW. Terdapat sekurang-kurangnya tujuh perkara utama untuk diamalkan sebagai garis panduan. Pertama, sahabat berusaha sehabis baik untuk mengelakkan perbezaan dalam apa-apa perkara sebanyak mungkin. Mereka tidak banyak membicarakan isu remeh tetapi menangani perkara yang menimbulkan kontroversi di bawah petunjuk Nabi. Cara ini tidak meninggalkan banyak ruang untuk berbalah, apatah lagi pertikaian dan perselisihan.

Kedua, sekiranya perbezaan masih berlaku dalam kalangan sahabat, mereka dengan cepat merujuk kepada al-Quran dan Rasulullah SAW sendiri dan apa-apa kontroversi akan diketepikan dengan cepat. Pencarian intelektual didorong oleh motif kebenaran dan mereka tanpa perasaan malu akan mengakui kesilapan disebabkan akhirnya menerima kebenaran dari apa sahaja cara sekalipun.

Ketiga, sahabat mempunyai komitmen yang tinggi mempertahankan al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Ia harus diutamakan dan

lam apa jua keadaan biar pun terdapat perbezaan yang kecil. Keempat, Nabi SAW adalah contoh terbaik yang menunjukkan bagaimana untuk berhadapan dengan isu kontroversi. Lalu, sahabat mengamalkan ilmu yang mereka pelajari daripada Baginda, saling mempercayai antara satu sama lain dan saling menghormati pandangan mereka sekiranya berbeza. Sikap fanatik dan ketasuban juga dijauhkan bagi mengelakkan perselisihan.

Jauhi kepentingan peribadi

Kelima, sahabat cuba menjauhi kepentingan peribadi daripada menjadi matlamat utama dalam menyatakan pandangan. Perkara utama yang menjadi sasaran adalah isi dalam menyatakan kebenaran, bukan terletak kepada siapa yang menyatakan kebenaran. Keenam, sahabat berpegang teguh kepada norma Islam dalam perdebatan. Mereka membincangkan perkara dengan sopan dan baik serta mengelakkan penggunaan bahasa yang jahat dan menghinakan. Setiap daripada mereka bersedia untuk mendengar dengan penuh perhatian kepada yang lain.

Ketujuh, sahabat menolak sikap berpura-pura dan tidak mengharapkan pujian, malah mereka berusaha keras untuk menyasat sesuatu isu secara rasional dan objektif. Sekiranya ada perselisihan, mereka hanya memperoleh dua pilihan sama ada berlapang dada dengan pandangan orang lain, atau memajukan pandangan

sendiri yang lebih baik daripada pandangan sedia ada.

Etika dalam perbezaan pandangan yang dikemukakan di atas adalah penting untuk dijadikan rujukan kerana sahabat adalah generasi terbaik yang mendapat tunjuk ajar dan nasihat secara langsung daripada Rasulullah SAW. Memelihara persaudaraan dan mengekalkan perpaduan adalah tanggungjawab yang sangat penting, biarpun dalam masa yang sama setiap individu mempunyai pandangan yang mungkin berbeza.

Kunci terbaik

Hikmah adalah kunci terbaik dalam setiap perbezaan mahupun perbalahan. Allah berfirman:

"Ajaklah (manusia) ke jalan Tuhan-mu dengan hikmah dengan nasihat yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik." (al-Nahl:125)

Hikmah bukan sahaja dengan menggunakan perkataan yang baik, tetapi mendidik diri untuk tidak melanggar batas dalam ber-kata-kata, sama ada secara lisan mahupun tulisan dan perbuatan. Apa yang terluah pasti akan memberi kesan kepada pendengar juga pembaca.

Usah lupa ada dua saksi senyap yang paling setia, mendengar dengan penuh makna, dan mencatat setiap amalan untuk dibentangkan di mahkamah Tuhan di Akhirat sana. Demi menyatakan kebenaran, kadangkala senyap itu juga adalah kata-kata, malah mungkin lebih berkuasa.